



- 1. PENGAWAS PEMANDU JURUTEMALI OB
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Pemandu / OB Jurutemali dalam tanggungaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggungaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAS PEMANDU JURUTEMALI OB :

1. Memandu *OB Van, Sound Van, Lighting Van, Tender Van, Crane* serta kenderaan-kenderaan khas di siaran luar.
2. Mengawas dan memelihara kenderaan di siaran luar dengan memastikan kebersihan, ujian pemeriksaan, penggunaan dan keselamatannya.
3. Membuat laporan kerosakan kenderaan kepada pengawas pemeliharaan kenderaan.
4. Melaporkan kerosakan peralatan teknikal siaran luar dengan segera kepada Jurutera Pengawas, Jurutera, Juruteknik Pemeliharaan dan Pengurus Teknikal dan yang berkenaan.



5. Membuat permohonan cukai jalan dan mengawas pengisian minyak kenderaan.
6. Mengawas Pemandu dan Jurutemali serta kakitangan di bawah jagaannya, menjalankan tugas-tugas penyediaan peralatan, mengemas dengan teratur dan selamat, semua peralatan-peralatan di dalam kenderaan serta tempat-tempat penyimpanan di siaran luar.
7. Mengawas pemasangan kebal dan peralatan kamera, peralatan audio visual, lampu serta peralatan teknikal lain siaran luar.
8. Mengawas pemasangan pelantar dan *scaffolding*.
9. Mengawas pemungghahan dan pengangkutan peralatan-peralatan siaran luar ke lokasi-lokasi penerbitan.
10. Menjaga keselamatan kenderaan dan peralatan siaran luar di lokasi penerbitan.
11. Membantu tugas-tugas teknikal Juruteknik, Jurukamera, Juruaudio dan Jurulampu.
12. Membantu urusan pejabat siaran luar.
13. Membuat penjadualan, pembahagian tugas-tugas serta mengatur pelaksanaannya kepada pemandu dan jurutemali serta kakitangan di bawah jagaan.
14. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.